

SOALAN NO. 202

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG
[SIBUTI]**

SOALAN :

YB Tuan Haji Ahmad Lai Bin Bujang [Sibuti] minta PERDANA MENTERI menyatakan:

- a) berapakah jumlah projek sakit yang berlaku di Sarawak sejak tahun 2009 hingga 2014; dan
- b) apakah tindakan Kementerian terhadap kontraktor yang mempunyai projek sakit dan berapakah nilai kerugian akibat projek sakit tersebut dan kategori jenis-jenis projek sakit di Sarawak.

JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga 15 Mac 2015, terdapat **22 projek** di Sarawak yang mengalami kelewatan. Manakala, bagi projek-projek fizikal yang mengalami kelewatan melebihi dua (2) bulan atau 20% daripada tarikh atau jadual yang ditetapkan, pihak kementerian telah mengangkat projek-projek berkenaan ke Jawatankuasa Projek Sakit (JKPS) di peringkat kementerian masing-masing.

JKPS yang ditubuhkan di setiap kementerian berperanan untuk mengenal pasti dan mengambil tindakan pemulihan yang komprehensif untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh sesuatu projek yang mengalami kelewatan dan dikategorikan sebagai projek sakit. Di samping itu, jawatankuasa ini akan memperakukan kaedah penamatan dan pelantikan kontraktor penyelamat bagi menggantikan kontraktor sedia ada yang tidak berupaya untuk meneruskan pelaksanaan projek.

Sekian. Terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG
[SIBUTI]**

SOALAN : 203

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan :-

- (a) adakah pihak Kerajaan bercadang untuk memastikan pihak syarikat penerbangan dan MAHB memasang dan meningkat penggunaan terminal kiosk layan diri bagi kegunaan daftar masuk penumpang di lapangan terbang seluruh Malaysia; dan
- (b) adakah pihak MAS memasang terminal kiosk daftar masuk di Lapangan Terbang Miri.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, keputusan untuk memasang dan meningkat penggunaan terminal kiosk layan diri bagi kegunaan daftar masuk penumpang di lapangan terbang adalah merupakan keputusan komersial syarikat penerbangan. Kementerian Pengangkutan bersama-sama dengan MAHB menggalakkan syarikat-syarikat penerbangan untuk memasang dan meningkatkan penggunaan terminal kiosk layan diri bagi kegunaan daftar masuk penumpang dan ini akan dapat mengurangkan kesesakan di kaunter daftar masuk penumpang di lapangan terbang.

MAS mempunyai cadangan untuk memasang terminal kiosk daftar masuk di Lapangan Terbang Miri pada bulan Mei 2015.